

## KELICAP MAYANG KELAPA

Brown-throated Sunbird

FAMILI: Nectarinidae

NAMA SAINTIFIK: *Anthreptes malacensis*



### CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa, bahagian atas badan berwarna ungu dan hijau pekat berkilat, bahagian tekak dan tepi kepala berwarna coklat pudar dan bahagian bawah dada hingga bawah tongkeng berwarna kuning. Ia seakan-akan Kelicap Pinang (*A. rhodolaema*) tetapi bahagian tepi kepala dan tekak berwarna coklat terang, mempunyai tompokan berwarna ungu di bahagian bahu dengan di kelilingi garisan sempadan berwarna coklat buah berangan-merah hati di bahagian sayap. Bagi burung betina, ia mempunyai paruh yang lurus, bahagian bawah badan berwarna kuning, warna sekeliling mata kekuningan dan warna putih di bahagian ekor agak tidak kelihatan.

### SAIZ

Panjang keseluruhan burung dewasa adalah 14.0 sm.

### MAKANAN

Serangga-serangga kecil dan juga nektar.

### HABITAT

Kawasan pinggir hutan, hutan paya bakau, Hutan paya air tawar, hutan sekunder, kawasan pertanian, taman dan kawasan tanah rendah. .

### BUNYI

Burung ini menghasilkan bunyi yang hampir sama dengan burung Perenjaj, *wrick-wrick-wrick-wrah wrick-wrik-wrik wrah*....Kadang kala ia mengeluarkan bunyi *too-wit*.

### PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan Disember hingga April pada setiap tahun. Sarang adalah berbentuk bujur dengan terdapat laluan masuk di bahagian tepinya. Ketinggian sarang adalah dari 1.2-12 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2 biji telur dan warna telur adalah putih ke merah jambu keunguan dengan terdapat tompok-tompok berwarna coklat ungu ke hitam keunguan. Anggaran saiz telur adalah 17.8 x 12.7 mm.

### STATUS

Akta 76/72, dilindungi.